KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 11 JUN 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br><br>4. | MINISTER SERVICE CENTRE GOT BROKEN INTO, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4<br>AGRICULTURE MINISTER'S SERVICE CENTER SUFFERS RM2,000 IN LOSS DUE TO BREAK-IN, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A38<br>BREAK IN AT SERVICE CENTER BY AGRICULTURE INISTER AFTER STEALING FROM ANOTHER THREE UNITS AT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A20<br>SALAHUDDIN JAMIN TIADA HALANGAN KERJASAMA DENGAN SARAWAK, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 5.<br><br>6. | LAKSANA AMANAH UBAH PERSEPSI MELAYU TERANCAM, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -10<br>MAZLAN NAFI WUJUDNYA LAMBAKAN HARUMANIS, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -24 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 7.<br>8.<br>9. | HANYA SATU KEMENTERIAN FOKUS FUNGSI TANAM SEMULA, DALAM NEGERI, UM -9<br>LANUN WARGA ASING JEJAS REZEKI NELAYAN TRADISIONAL, NEGARA, KOSMO -15<br>FARMING AND RESTAURANTS FIELD FACED SHORTAGE OF LABORS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A7 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Minister service centre got broken into | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 11 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C4 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1191 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,241 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 48,723 |

[redacted]






窃贼至少潜入2间双层排楼店屋，共4个单位爆窃。

法蒂玛（左）展示放在青包里的现金被窃贼取走。

服务中心入口处的门把被窃贼破坏。

# 竊賊趁長假連環爆竊

# 部長服務中心也中招

（新山10日讯）窃贼趁著开斋节连假在商业区连环爆窃，就连部长的服务中心也中招。

## 約損失1萬

[illegible]

[illegible]发（左）和阿都拉向记者展示窃贼所破坏的门把。

[illegible]发和阿都拉展示窃贼破坏电子门系统。

窃贼将闭路电视摄录机偷走。

## 初步調查竊賊破門而入

[illegible]

绪法兹拉：窃贼瞄准现金而来。

窃贼把闭路电视摄像镜头扯下来。

## 目的只是偷現金

[illegible]

| Headline | Agriculture Minister`s service center suffers RM2,000 in loss due to break-in | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 11 Jun 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A38 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 222 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,596 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,788 |



# 农长服务中心遭爆窃失2千

**新山10日讯**｜农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁位于埔莱国会选区的服务中心，在开斋节期间遭爆窃，预备用来派发开斋援助金的约2000令吉现金不翼而飞！

据了解，窃贼共潜入武吉阿立福花园柏西亚然丹绒苏苏1路的4间商业单位，包括埔莱国会选区服务中心、国家诚信党埔莱区部党所、柔州农民组织旗下的旅行社及商业保险分行，拆除或改变闭路电视摄录方向，破坏办公室的门，撬开所有办公桌抽屉和橱柜翻找，只为了寻找现金，并没有取走任何的设备。

沙拉胡丁特别助理翁嘉化今午召开新闻发布会时，如是表示。出席者包括诚信党埔莱区部署理主席阿都拉及埔莱区部妇女组主席法蒂玛。

翁嘉化指出，他曾嘱咐职员们不要将现金放在服务中心内，惟这次刚好因为要派发援助金，而取出约2000令吉现金分别装进信封里收好，以备不时之需。

他说，服务中心是在本月3日（周三）就开始休长假直到今日恢复运作，而他是于昨天下午约3时接获警察电话告知服务中心被爆窃。

「服务中心的门锁都被破坏，门口处的密码锁和闭路电视镜头也被拆除，所有上锁的抽屉被撬开，闭路电视监控系统也被搬走，无法确认窃贼的身份。」

他说，位于隔壁的诚信党区部会所大门也被撬开，但内部并没有任何损失。不过重新安装闭路电视系统则需花费几千令吉。

另外，位于楼下的旅行社也被窃贼潜入。其助理经理诺哈兹扎说，除了门锁和抽屉被破坏，并没有损失现金或其他财物。

她说，隔壁的保险公司也遭殃，不过据她了解，除了门锁撬开，闭路电视被破坏之外，也没有太大的损失。

该公司自2010年就在当地营业，并没有发生过爆窃事件。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Break in at service center by Agriculture Minister after stealing from another three units at | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 11 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A20 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 309 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,887 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,661 |



# 宵小连环爆窃4单位 农长服务中心也被偷

（新山10日讯）窃匪趁开斋节连假，在柔佛淡杯武吉阿利夫花园丹绒支一路商业区两间双层店屋的4个单位连环爆窃，连农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁的服务中心也中招。



翁嘉化（前）和阿都拉向媒体展示遭宵小破坏的电子门系统。

农长服务中心内的一笔1600令吉现金被偷走，该款项是准备于本月15日举行的部长开斋节茶会时派发给民众。

据悉，被爆窃的4个单位包括农长服务中心、诚信党埔莱国会选区服务中心，及柔州农民组织办公室和旗下的旅行社私人有限公司。

## 1600现金被偷

农长的特别事务官翁嘉化召开记者会指出，他昨午2时55分接获警方来电告知，部长服务中心遭窃贼光顾。

"回到服务中心了解情况时，我发现门把和闭路电视摄像机都被窃匪破坏，匪徒在中心内翻箱倒柜，放在柜子里准备在本月15日开斋茶会派给民众的1600令吉青包现金也不翼而飞。我已通知部长有关此事。"

他说，平时服务中心是不会放置现金的。

他估计，闭路电视摄录机和现金损失共5000令吉，若加上维修费，大约总损失为1万令吉。

"因开斋节的关系，服务中心于本月3日开始关闭，今天重新开门服务，所以我也不知窃匪是何时闯入。"

出席记者会者包括诚信党埔莱区部署理主席阿都拉与妇女组主席法蒂玛等。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 10 |

# Salahuddin jamin tiada halangan kerjasama dengan Sarawak

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya tiada halangan untuk menjalin kerjasama dengan Sarawak dalam pembangunan pertanian di negeri pembangkang itu.

Berkongsikan hasil perbincangan hampir sejam dengan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg pada 27 Mei lalu, beliau berkata, pihaknya mendapat maklum balas positif berhubung usaha memperkukuh industri perikanan.

"Tujuan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Kuching kali ini ialah untuk membincangkan tentang RUU (Rang Undang-undang) Akta Perikanan (Pindaan 2019) yang Insya-Allah akan dibentang dalam sidang Parlimen sesi Julai.

"Pindaan ini untuk membolehkan nelayan-nelayan pergi ke laut lepas yang akan merancakkan lagi industri perikanan," jelasnya.

Menurut Timbalan Presiden AMANAH itu, kementeriannya menerima banyak permintaan daripada pemain industri supaya dapat mengurangkan kebergantungan import ikan.

"Alhamdulillah, Ketua Menteri sangat positif, dan hanya perlukan surat keizinan dari kerajaan Sarawak," ujarnya.

Berhubung RUU Baja, RUU Kualiti Benih Tanaman dan RUU Biosekuriti Tumbuhan, Salahuddin berpendapat segala peruntukan itu akan dapat mengawal mutu baja, benih dan segala tanaman di negara ini.

"Baja yang dibeli petani walaupun katanya dibeli dari syarikat baja ternama, tidak ada satu akta pun yang boleh mengenalpasti baja ini berkualiti atau tidak. Kita memerlukan *soil profiling* dan memerlukan baja yang sesuai.

"Begitu juga dgn RUU Biosekuriti Tumbuhan, rakyat akan dapat menikmati bahan makanan yang selamat untuk dimakan bukan sahaja murah tapi kualiti bahan makanan itu selamat," katanya.



***Salahuddin berjabat tangan dengan Abang Johari dalam perbincangan hampir sejam.***

**Sangat popular**

Penggunaan varieti nanas MD2 yang memerlukan kawalan kerana industri buahan itu merupakan industri yang rancak turut dibincangkan bersama Abang Johari.

Salahuddin memberitahu Malaysia telah selesai menandatangani protokol dengan China untuk mengeksport nanas.

Menurutnya, varieti nanas MD2 sangat popular dan diperlukan pasaran China dan Eropah sehingga bekalannya tidak mencukupi.

"Semua ini telah dibincang dengan begitu baik (dengan Abang Johari) dan tiada ada halangan untuk kita bekerjasama pada masa akan datang," tambah Salahuddin lagi.

# Laksana amanah ubah persepsi Melayu terancam

Oleh **ARIF ATAN**

**PENGERUSI** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman mengakui wujudnya keresahan dalam kalangan masyarakat Melayu selepas setahun pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Walau bagaimanapun, bekas Pengerusi Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) itu berpendapat situasi tersebut hanya bersifat sementara bergantung sejauh mana iltizam politik di pihak pemimpin Melayu sendiri.

"Persepsi itu (keresahan orang Melayu) memang ada. Namun, atas kita juga. Macam saya yang terlibat dengan Felda yang sinonim dengan Melayu.

"Contoh lagi, Timbalan Presiden kita (Datuk Salahuddin Ayub) yang jaga MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) yang banyak dikaitkan dengan Melayu, jadi bagaimana pemimpin melaksanakan amanah sebaik-baiknya sekali gus dapat mengubah persepsi tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual Mingguan Amanah di Menara LPP, Jalan Sultan Salahuddin di ibu kota baru ini.



***Mazlan Aliman***

Menurut Mazlan, orang Melayu akan menganggap hak dan kepentingan mereka terjaga dan dibela sekiranya pemimpin PH di segenap peringkat komited membetulkan semula segala bentuk kepincangan urus tadbir Umno-BN sebelum ini.

> **"Persepsi itu (keresahan orang Melayu) memang ada. Namun, atas kita juga. Macam saya yang terlibat dengan Felda yang sinonim dengan Melayu.**

"Dulu BN korup, tapi tidak buat apa-apa selepas kita (PH) ambil alih, orang Melayu akan kata kita tidak jaga Melayu.

"Macam saya dengan LPP, 95 peratus mereka yang terlibat dengan LPP adalah orang Melayu. Tentulah ini peluang untuk saya buktikan keresahan Melayu itu tidak benar.

"Caranya, dengan cuba meningkatkan pendapatan golongan tani. Kalau saya gagal, orang akan buat perbandingan.

"Jadi, timbullah persepsi PH gagal jaga Melayu yang kemudiannya dikaitkan dengan pihak lain termasuk DAP," jelasnya yang dilantik sebagai Pengerusi LPP pada 19 Oktober tahun lalu.

## Info Reformasi LPP

- Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 berkuat kuasa 1 Mei lalu.
- Pindaan itu berkaitan langsung dengan Peraturan 35 iaitu pemilihan dan pelantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).
- Menerusi Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 22 April 2019, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 menetapkan komposisi AJP PPK mesti terdiri daripada tujuh ahli yang dalam mesyuarat agung tahunan dan lima ahli lagi dilantik oleh menteri, seorang daripadanya hendaklah merupakan Peladang Muda dan seorang lagi merupakan Peladang Nita.
- Bagi AJP PPN pula, empat ahli dipilih melalui mesyuarat agung tahunan manaka lima lagi ahli dilantik oleh menteri dan pengerusi dinamakan oleh AJP dalam kalangan mereka yang diluluskan oleh menteri.
- Lantikan AJP Nafas pula, lima ahli dipilih dalam mesyuarat agung tahunan dan enam ahli dilantik oleh menteri manakala pengerusi dinamakan oleh AJP dalam kalangan mereka yang diluluskan oleh menteri.
- Warta yang dibuat pada 19 April 2019 oleh Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman dan diluluskan pada tarikh yang sama oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub itu dikuatkuasakan pada 1 Mei lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 24 |

# Mazlan nafi wujudnya lambakan harumanis

**PENGERUSI** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman menegaskan dakwaan berlaku lambakan harumanis di Perlis adalah tidak benar.

Menurutnya, industri harumanis yang sedikit perlahan ketika ini tidak harus dijadikan isu memandangkan permintaan buah tersebut dijangka meningkat pada Hari Raya Aidilfitri ini.

"Saya telah mendapat penjelasan daripada Pengarah LPP Perlis, Azizul Lebai Ishak mengenai isu lambakan ini dan beliau mengesahkan ia tidak benar. Bahkan, buah ikon Perlis ini masih lagi dijual dengan harga RM100 bagi setiap tiga kilogram.

"Kita jangkakan permintaan buah ini akan meningkat berlipat kali ganda pada Hari Raya Aidilfitri ini memandangkan ramai warga kota akan pulang ke kampung khususnya di bahagian Utara tanah air. Perkara ini tentu sekali akan menggembirakan para pengusaha harumanis," jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Pasar Peladang 2019 di Menara LPP di Kuala Lumpur, 28 Mei lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Hanya satu kementerian fokus fungsi tanam semula

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) memohon supaya kerajaan memfokuskan fungsi tanam semula kepada hanya satu kementerian bagi memudahkan urusan pelaksanaan tanam semula terutamanya kepada sektor huluan termasuklah pekebun kecil.

Sehubungan itu, jelas Presidennya, Datuk Aliasak Ambia, pelaksanaan tanam semula terutamanya kelapa sawit sebaiknya diserahkan kembali kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Jelasnya, ini kerana RISDA telah mempunyai mekanisme dan kelengkapan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti tanam semula sawit berbanding Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

"Aktiviti tanam semula sawit yang diberikan kepada MPOB tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana MPOB tidak mempunyai tenaga kerja dan kelengkapan seperti yang dimiliki oleh RISDA.

Jika aktiviti tanam semula sawit diserahkan kepada RISDA, pelaksanaannya akan lebih lancar dan memudahkan pemain industri terutamanya pekebun kecil sawit," katanya dalam kenyataan hari ini.



ALIASAK AMBIA

Sementara itu, jelas Aliasak, pihaknya telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Dr. Tan Yew Chong di Putrajaya, pagi ini.

Pada pertemuan tersebut katanya, PKPKM telah mencadangkan supaya pihak kementerian mengembalikan pinjaman tanam semula kelapa sawit sebagai satu bantuan dan bukan pinjaman dan menganggap bantuan tersebut sebagai satu pelaburan jangka panjang kepada pekebun kecil.

"PKPKM memohon supaya bantuan pinjaman tanam semula kelapa sawit dijadikan sebagai geran dan bukannya pinjaman. Hal ini kerana tanaman sawit merupakan tanaman komoditi utama negara.

"Sekiranya bantuan tersebut dijadikan pinjaman, sambutan daripada pekebun kecil akan berkurangan. Perkara ini seterusnya akan mengakibatkan keluasan tanam semula mengecil serta menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan negara," katanya.

Tambah Aliasak lagi, matlamat kerajaan untuk mewujudkan industri sawit yang mampan dan mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) tidak akan dapat dicapai sekiranya perkara tersebut berlaku.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Lanun warga asing jejas rezeki nelayan tradisional

**KLANG** – Tamak dan pentingkan diri sendiri.

Mungkin itu yang dapat digambarkan terhadap kegiatan lanun warga asing yang melakukan pencerobohan zon menangkap ikan semata-mata mahu mengaut keuntungan berganda.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Selangor, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, aktiviti pencerobohan zon atau lebih dikenali tarik tepi itu dilakukan oleh nelayan komersial terutamanya di Zon B dan C.



MOHAMMAD ROSLI

Katanya, pengelasan zon di Selangor ialah Zon A, Zon B (lima batu nautika ke atas) B1 (8 batu nautika ke atas) dan Zon C (15 batu nautika ke atas).

"Lokasi yang kerap berlaku adalah di sekitar Jeram, Sabak, Tanjung Sepang dan Morib. Aktiviti dilakukan bermula pada pukul 12 tengah malam ke atas.

"Nelayan yang ceroboh zon ini adalah kumpulan yang tamak dan dianggap jenayah serius," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Mohammad Rosli, pihaknya menerima banyak aduan khususnya daripada nelayan terhadap hasil tangkapan mereka di persisir pantai yang terjejas.

Ini kerana nelayan di Zon B dan B1 menggunakan pukat tunda harimau yang bukan saja memerangkap dan membunuh anak ikan bersaiz kecil tetapi memusnahkan ekosistem laut serta batu karang.

"Berdasarkan statistik, sebanyak 12 kes direkodkan pada tahun lalu dengan nilai rampasan hasil laut berjumlah RM8,140 dan lapan kes serta jumlah rampasannya ialah RM3,130 bermula Januari hingga Mei tahun ini.

"Kesemua yang diberkas merupakan warga Indonesia dan Myanmar berusia 20 hingga 40 tahun serta tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri," jelasnya.

Tonto air atau sapu air digunakan sebagai pemberi maklumat berhubung penguat kuasa dengan bayaran yang diterima ialah RM300 daripada pengusaha bot.

"Justeru, APMM menubuhkan pasukan khas untuk memantau dan menangani kes tarik tepi yang boleh mengancam hidupan laut ini," katanya.



SEBUAH bot tempatan yang menggunakan pekerja asing ditahan APMM selepas dipercayai melakukan pencerobohan di zon menangkap ikan di Perairan Kuala Selangor baru-baru ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Farming and restaurants field faced shortage of labors | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 11 Jun 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A7 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 727 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,500 |



# 难聘本地员工 菜农餐饮业缺外劳



许良波 报导

**吉隆坡10日讯｜继内政部要在5年内全面打击国内的非法外劳后，虽获得各领域赞同，惟各行各业同时也促请必须解决国内劳工短缺的问题。**



陈苏潮●马来西亚菜农总会主席



何子孟●马新咖啡茶业联合会总会长

马来西亚菜农总会主席陈苏潮指出，政府宣布全面取缔非法外劳，对于那些有聘用非法外劳的菜农，自然有影响。

但他说，如果能够顺利地聘请到合法外劳，又有哪些菜农愿意冒险聘请非法外劳呢？

他在接受《东方日报》询问时指出，目前全国菜农约缺乏3万名合法外劳，且一直以来菜农也都想方设法经过合法途径向当局申请聘请外劳，惟都不成功。

## 见了部长也没下文

“我们也见了农业及农基工业部长和人力资源部长，但都没有下文。”

他说，这领域不是说要聘请本地劳工就能聘请到，而在无法申请聘用外劳后，很多年迈的菜农也都选择退休，不再耕种。

“就连交通部长陆兆福也承认，港口拖格罗里司机月薪超过3000令吉都难聘请到本地员工，更何况是我们菜农。”



菜农申请聘请外劳面对困难，目前全国菜农约缺乏3万名合法外劳。

因此，陈苏潮促请政府与业者展开对话，并了解业者所面对的问题，如果一再的让菜农选择放弃和不再耕种，那么大马要达到粮食自供自给的目标，是无法达到的。

另一方面，马新咖啡茶业联合会总会长何子孟说，该总会一直都不鼓励餐饮业者聘请非法外劳，惟他们也希望政府能协助解决餐饮业者聘请不到合法外劳的困境。

“政府必须确保合法外劳足够，才能以强硬的手法取缔非法外劳，这是一个大问题，不只是餐饮业面对，很多领域都面对相同的问题。”

## 促简化申请程序

他说，餐饮业者每每要申请聘用外劳时，要经过很多部门，且很多繁文缛节，并希望政府能够简化申请程序。

他指出，该总会属下的一些会员，因为面对聘请合法外劳的问题，而不够人手工作，而选择缩短营业时间，包括只营业半天，这都影响了他们的收入。

内政部推出「非法外劳执法全垒打」，要5年内通过移民局和其他执法单位，全面铲除和打击非法外劳的执法行动。

内政部长丹斯里慕尤丁昨日发表文告说，移民局从今年1月1日起至6月4日，已展开7940次执法行动，并检查了10万名外劳。

其中2万3295名属于非法外劳，当中又以印尼的非法外劳居多共有8011人（占34%），而在今年的首5个月内，共有2万6116名非法外劳被遣送回国。